

14/03/2004

Mengundi: Masa untuk buktikan kekuatan bangsa

Johan Jaaffar

AHAD depan, 10.4 juta rakyat negara ini yang layak mengundi akan membuang undi. Ini pilihan raya umum yang ke-11 bagi negara kita. Isu yang lebih besar bukan soal sejauh mana kerajaan Barisan Nasional (BN) akan mengekalkan kedudukan. Pilihan raya kali ini menjadi lebih istimewa kerana BN dipimpin oleh Perdana Menteri yang baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri yang keempat, Tun Dr Mahathir Mohamad telah memimpin Umno dan kerajaan melalui empat pilihan raya. Tiap satunya membawa makna yang tersendiri, dan tiap satunya mempunyai isu dan masalah yang unik. Pilihan raya pertama yang dipimpinnya, 1982 menyaksikan kejayaan BN yang luar biasa. Jikalau diukur daripada undi popular, BN yang dipimpinnya memperoleh 60.5 peratus undi. Tetapi empat tahun kemudian "keterbukaan" yang dibenarkan oleh beliau memberi ruang pada pelbagai isu dan kontroversi dalam parti dan luar parti. BN mendapat hanya 57.3 peratus undi popular.

Tahun 1990 menyaksikan satu lagi babak yang dramatik dalam sejarah politik negara. Umno yang diharamkan oleh mahkamah pada 1987, kini berpecah. Penentang Tun Dr Mahathir menggerakkan barisan baru yang hampir-hampir menyebabkan kekalahan BN yang dipimpin oleh Umno Baru. Parti Berjaya Sabah (PBS) keluar dari BN beberapa hari sebelum pilihan raya umum menyebabkan suasana panik dalam kem BN sendiri.

Pada pilihan raya tahun itu, undi popular bagi BN hanya 52 peratus, yang terendah dalam sejarah pilihan raya negara. Tahun 1995, pemerlihat situasi yang berbeza. Kedudukan ekonomi berada dalam keadaan yang memberangsangkan dan sebahagian isu dalaman Umno dan BN telah selesai. Pembangkang menjadi lemah akibat ketiadaan isu. BN mencatatkan kejayaan terbaik dalam sejarah pilihan raya sejak tahun 1974 dengan pencapaian undi popular sebanyak 65.0 peratus. Sekali lagi, tahun 1999 mencatatkan babak hitam dalam sejarah politik Umno dan BN.

Ekoran penyingkiran bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Umno menghadapi masalah besar bagi meyakinkan orang Melayu khususnya untuk menyokong mereka. Pas mendapat keuntungan besar dari peristiwa itu dan memanfaatkannya dengan sebaik mungkin. Parti Keadilan Nasional memberikan pilihan baru pada sistem kepartian negara. Barisan Alternatif (BA) menarik perhatian pengundi masa itu. Hanya keyakinan dan keberanian Tun Dr Mahathir yang memungkinkan pilihan raya tahun 1999 berlaku dan BN berjaya juga mengekalkan kedudukan dua pertiga di Parlimen. Tetapi sebuah lagi "negeri Melayu" jatuh ke tangan Pas.

Kita semua tahu apa yang berlaku dalam tahun 1999. BN mendapat undi popular tidak lebih daripada 56 peratus, baik sedikit dari tahun 1990. Tetapi Umno "ditinggalkan" oleh sebahagian orang Melayu. Buat pertama kali dalam sejarah Umno mempunyai jumlah kerusi Parlimen yang kurang daripada separuh jumlah kerusi untuk BN (hanya 72 dari 148 kerusi BN).

Lebih menakutkan ialah beberapa buah negeri yang selama ini dianggap kubu kuat Umno menampakkan penurunan undi untuk Umno. Hanya di Johor, BN mempertahankan 100 peratus kejayaan tetapi undi majoriti bagi pembangkang di negara itu meningkat menjadi 27 peratus.

Kekalahan Umno sebenarnya bukan kerana kekuatan parti lawan tetapi kerana kelemahan Umno sendiri. Di banyak kawasan majoriti Melayu, undi untuk Umno atau BN merosot teruk. Di banyak tempat, untuk memastikan calon Umno menang, undi kaum Cina dan India menjadi penentu. Majoriti bagi

banyak kawasan pilihan raya juga menjunam. Ambil sahaja contoh Shah Alam, Hulu Langat dan Gombak, tiga kawasan yang mencatatkan undi majoriti BN yang tertinggi padatahun 1995 (40,715; 30,878 dan 30,812) merosot menjadi hanya 1,440; 803 dan 3,866. Hanya di Johor saja majoriti Umno yang melebihi 24,000 undi ke atas dapat dipertahankan. Kota Tinggi mencatatkan majoriti 32,161 (perbezaan hanya 915 berbanding 1995), Tebrau dengan majoriti 35,485 (berkurang 3,655) dan Pulai dengan majoriti 24,568 (berkurang 4,835).

Banyak orang meramalkan pilihan raya umum 2004 akan berbeza. Isu besar tidak ada dalam pilihan raya kali ini. Banyak pengundi yang dulunya meninggalkan Umno kini telah kembali. Umno lebih mantap dan isu dalamannya banyak telah diselesaikan. Usaha menawan kembali Kelantan dan Terengganu telah berjalan sejak sekian lama. Muka-muka baru memberikan wajah dan dimensi baru pada Umno. Lebih penting lagi golongan muda yang sebelumnya mencurigai Umno kini mulai merapatkan diri.

Lebih penting lagi ialah rakyat dipercayai "akan memberi peluang" pada Perdana Menteri yang baru. Beliau telah memulakan pentadbiran dengan melaksanakan pelbagai tindakan - sekurang-kurangnya secara simbolik - yang memperlihatkan keseriusan menangani isu-isu yang selama ini semacam diabaikan. Soal memerangi korupsi misalnya mendapat perhatian serius. Tindakan tidak memilih bulu ini dibaca oleh rakyat sebagai sungguh-sungguh apabila seorang menteri kabinet turut didakwa.

Bagi saya isu yang lebih besar pada pilihan raya kali ini ialah soal perpecahan di kalangan orang Melayu. Mereka berantakan bukan sahaja kerana ideologi politik tetapi juga agama. Lebih-lebih lagi apabila agama dijadikan alat pilihan raya. Orang Melayu menghadapi masalah memperkasa bangsa mereka. Perbezaan fahaman politik dan pendekatan hanya merumitkan sebarang usaha untuk memastikan kejayaan dalam pelbagai bidang lain.

Metos "orang Melayu tidak akan hilang di dunia" harus difikirkan semula. Orang Melayu hari ini punya bilangan dan punya kuasa undi yang besar. Orang Melayu bangsa dominan di negara ini. Orang Melayu malangnya lemah dalam pelbagai aspek - daripada ekonomi hingga keupayaan teknologi - dan orang Melayu juga terbabit dalam pelbagai gejala sosial yang melanda.

Pilihan raya kali ini akan hanya menjarakkan orang Melayu kalau semua pihak menganggap bahawa biarlah berpecah asal puas dan biarlah bertelagah asal lepas segala yang berbuku di hati. Benar, kita boleh berbeza pendapat sepanjang masa, tapi syaratnya kita kuat dan kita perkasa. Kita akan menjadi lebih lemah kalau kita melupakan makna perpaduan di kalangan kita sendiri.

Kita harus lihat banyak contoh jelas bagaimana orang Melayu dalam keghairahan untuk menunjukkan keperkasaan berpolitik, mulai hilang nilai dan citranya sendiri. Orang Melayu lebih suka memperagakan kelainan daripada mencari persamaan. Pada akhirnya MCA dan Gerakan mulai bercakap tentang penyatuan sedangkan parti-parti Melayu terus bercakaran.

Perdana Menteri tentulah tidak mengharapkan semua orang Melayu berada di belakangnya dalam pilihan raya kali ini. Bagi banyak pengikut Pas, apa sahaja yang dilakukan oleh Umno dan BN akan dicemuh, ditentang dan dijadikan alasan untuk menyerang. Tetapi sebahagian besar orang Melayu harus menyedari bahawa pertelingkahan tidak akan menguntungkan sesiapa.

Ingatlah, kuasa politik Melayu belum tentu akan kekal. Perpecahan Melayu akan hanya membawa musibah. Isunya bukan sekadar ideologi tetapi survival. Orang Melayu tidak ada pilihan melainkan memberikan perhatian serius pada soal perpecahan ini.

Perdana Menteri mahukan rakyat Malaysia dan orang Melayu "bekerja dengannya dan bukan untuknya." Kalau itu bukan seruan yang menuntut setiap orang komited untuk mengkesampingkan kepentingan diri dan fahaman untuk bekerja sebagai satu pasukan, apa namanya?

Janji politik mengenai syurga dan neraka sahaja belum tentu boleh mengubah mana-mana bangsa. Sesuatu bangsa tidak akan berubah kalau bangsa itu tidak mahu berubah. Perubahan bangsa harus bermula dari kerja kuat. Dan sebarang usaha ke arah itu tidak akan bermakna kalau tidak bergerak sebagai satu pasukan. Kita boleh melupakan masa depan demi politik. Kita boleh bertelagah sampai bila-bila. Orang Melayu beragama Islam dan orang Islam juga lemah dan diperkecilkan kerana kelemahan ummah.

Hakikatnya, masa depan orang Melayu boleh terancam di negaranya sendiri. Sepatutnya inilah masa terbaik orang Melayu membuktikan kekuatan dan kesetiakawanan - berdiri di belakang Perdana Menteri untuk bekerja dengannya ke arah kejayaan dan kegemilangan bangsa dan agama.

* Penulis pernah menjadi Ketua Pengarang Kumpulan Akhbar Utusan Melayu (M) Berhad.